

BAB 1

PERTUBUHAN BUDDHISME SOKA GAKKAI MALAYSIA

Tamadun membina etika, akhlak dan adab lalu menaikkan martabat insan ke tahap beradab. Kelemahan utama peradaban barat moden ialah keterasingan dan perpecahan yang menular ke dalam semua bidang kehidupan dan masyarakat. Pandangan dunia peradaban barat telah menggariskan perbezaan antara manusia dan alam semesta, antara individu dan masyarakat, baik dan buruk, kaedah dan tujuan, suci dan sekular. Akibat daripada perpecahan yang semakin ketara ini, insan individu telah tersisih sehingga terpaksa hidup dalam keterasingan.

Tamadun moden bagaikan kemenangan teknologi sains, dan bukan kemenangan kemanusiaan. Apabila berlaku kelenyapan keperimanusiaan dan ketandusan jiwa manusia, segala tindak-tanduk manusia didapati berasaskan nafsu naluri sebagai penggerak asas, lebih teruk lagi perasaan akibat melakukan kesalahan dan perasaan segan turut lenyap. Hanya agama yang dapat menghidupkan kemanusiaan dan dijadikan sebagai tapak pertumbuhan kebudayaan baru. Budaya pasti akan tersisih, kemanusiaan akan lenyap tanpa kewujudan agama yang sempurna.

Agama adalah sumber tenaga dan inspirasi bagi pelbagai aktiviti manusia. Hal ini pernah diperkatakan oleh Mahatma Gandhi¹ seperti yang berikut :

Saya tidak mengenali sebarang agama lain yang terpisah daripada aktiviti manusia. Keadaan ini memberikan asas moral kepada semua aktiviti lain. Tanpa asas ini, kehidupan kita tidak lebih daripada sesuatu yang hanya bercelaru dengan hiruk-pikuk dan keberangan, yang tidak membawa sebarang makna.

“Agama” yang dimaksudkan oleh Gandhi bukanlah sektarianisme. Bagi beliau, agama bermakna kepercayaan kepada pemerintahan Alam Semesta yang teratur dan bermoral. Gandhi yakin betapa besarnya potensi kerohanian dan keagamaan yang dikurniai secara saksama kepada setiap insan. Hanya dengan membangkitkan sumber tenaga dan kekuatan dalaman manusia yang terpendam, barulah manusia dapat mengubati hati dan jiwa yang telah parah akibat ideologi ganas.

Falsafah Agama Buddha tradisi Mahayana² menegaskan bahawa kehidupan harian dan kehidupan beragama adalah satu entiti yang tidak boleh dipisahkan. Pendekatan falsafah ini menekankan kehidupan yang bersifat menyeluruh boleh membawa kesepaduan dan keharmonian hidup. Untuk menimbulkan kesedaran tentang hubungan, martabat dan darjat kehidupan sesama makluk, Presiden pertama Soka Gakkai International (SGI), Daisaku Ikeda (Gambar 1.1), menyarankan bahawa setiap insan mesti memperbaiki, bahkan mengubah dirinya dari dalam hati, yang digelar beliau sebagai “*human revolution*”.³ Perubahan ini, bagi beliau, akan membawa kepada interaksi dan harmoni antara makrokosme dan mikrokosme. Sesuatu revolusi besar membolehkan seseorang mengubah masa depan sesebuah masyarakat dan semua umat manusia. Peranan hati untuk membentuk manusia yang mulia selalu dititikberatkan oleh Daisaku Ikeda.

Ikeda mempercayai bahawa agama yang menunjangi tamadun baru bersama kebijaksanaan manusia perlu memainkan peranan penting untuk menangani masalah-masalah yang sedang mengancam umat manusia. Ikeda juga menyarankan bahawa satu-satu caranya untuk mendapatkan penghormatan sejagat terhadap kesucian hidup

ialah menerusi pendidikan. Tanpa pengaruh pendidikan yang berupaya membaiki keadaan, kepercayaan yang dipegang kuat, sama ada dari segi politik atau agama akan terjunam ke dalam jurang dogmatisme dan sikap menganggap diri sendiri betul. Tanpa disokong dan dikawal oleh kebijaksanaan pendidikan, kepercayaan agama sering menghadapi risiko menjadi tidak berhaluan. Sebaliknya, kebijaksanaan dalam pendidikan akan memperlihatkan nilai kerohanian agama yang jelas. Berdasarkan kepercayaan terhadap agama ini, manusia sanggup mencipta tamadun yang mementingkan keharmonian rohani di samping unsur mikrokosme dan makrokosme.

1.1 Soka Gakkai Malaysia (SGM)

SGM mula ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1960 dengan nama asalnya digelar sebagai Nichiren Shoshu Malaysia (NSM). Pada 15hb Jun, 1984, nama NSM ditukar kepada SGM yang selaras dengan matlamatnya iaitu penciptaan nilai (Soka). Kini, SGM dipimpin oleh En Koe Teng Hong (Gambar 1.1) yang menghormati dan mengikuti visi dan misi Daisaku Ikeda. Antara objektif utama SGM adalah seperti yang berikut:⁴

- a) Menyebar dan mempraktikkan nilai-nilai moral di kalangan ahli.
- b) Menyumbang terhadap kemakmuran dan kemajuan negara.
- c) Memupuk persahabatan, kebahagiaan keluarga, dan semangat harmoni di antara kaum.
- d) Menyumbang terhadap aktiviti kebudayaan, kebajikan, dan pendidikan.

Bertitik-tolak daripada niat yang suci dan mulia inilah SGM semakin diterima baik oleh ahli-ahlinya. Walau bagaimanapun, kegiatannya semakin banyak dan dipelbagai terutamanya dalam tempoh 1991-2000. Cawangan SGM pula bertaburan di seluruh Malaysia seperti mana yang terpapar pada Jadual 1 berikut :

Jadual 1
Taburan Pusat Kebudayaan SGM di Malaysia

Bilangan	Negeri	Tahun Penubuhan
1.	Pulau Pinang	8.8.1976
2	Kuala Lumpur	1.1.1984
3	Terengganu	6.3.1998
4	Selangor	26.4.1998
5	Kedah	16.7.1998
6	Negeri Sembilan	27.7.2000
7	Kelantan	18.8.2000
8	Perak	18.2.2001
9	Johor	17.3.2001
10	Sarawak	20.10.2001
11	Kuala Lumpur (Wisma Kebudayaan)	18.11.2001
12	Sabah	29.12.2001

13	Melaka	20.4.2002
14	Pahang	Sedang dibina

Sumber: Data yang diberikan oleh Encik Koh Sia Feai, Ketua Setiausaha


SGM.

Kecuali Negeri Perlis, semua negeri telah memiliki pusat kebudayaan masing-masing, hasil sumbangan ikhlas ahli-ahlinya. Pembinaan pusat kebudayaan di setiap negeri telah memudahkan perjumpaan dan komunikasi ahli di samping membentuk satu rangkaian yang memudahkan perlaksanaan dan pengelolaan pelbagai aktiviti pusat kebudayaan tersebut.

Sebagai sebuah organisasi yang besar dan kompleks pembentukannya, sejak tahun 1984, SGM mengamalkan sistem pentadbiran secara teratur dan profesional, untuk melicinkan perlaksanaan program-programnya. Satu unit pentadbiran pusat diwujudkan untuk menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti cawangan SGM di seluruh negara. Walau bagaimanapun, setiap pusat kebudayaan muncul sebagai entiti tersendiri yang berautonomi dari segi pentadbiran (lihat Gambar rajah 1).

Gambar Rajah 1

Struktur Organisasi Pentadbiran Pusat SGM




Sumber : Encik Koh Sia Feai, Ketua Setiausaha SGM.

Selain unit pentadbiran tersebut, terdapat tiga jawatankuasa tertinggi, iaitu jawatankuasa tertinggi kebudayaan, jawatankuasa tertinggi pendidikan, dan jawatankuasa tertinggi keamanan. Kesemua jawatankuasa ini bertanggungjawab membuat keputusan dan menyelaraskan aktiviti di bawah kelolaan masing-masing. Ahli kesemua jawatankuasa ini bertanggungjawab membentuk jawatankuasa kecil bagi setiap aktiviti yang hendak dijalankan di samping memberi bimbingan serta penyelarasian yang sewajarnya.

Umumnya, ahli-ahli SGM boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian wanita, bahagian lelaki, bahagian belia, dan bahagian beliawanis. Walaupun tempoh penubuhannya didapati singkat, pentadbiran SGM telah mencapai taraf yang profesional. SGM mempunyai sistem pengkhususan kerja yang baik bagi memastikan setiap aktiviti yang dilancarkan beroperasi dengan cekap.

Gambar Rajah 2

Tiga Jawatankuasa Tertinggi SGM



Bagi ahli SGM, keperibadian En Koe yang tabah lagi penyayang inilah yang memikat hati mereka. Di bawah pimpinan beliau, SGM telah muncul sebagai sebuah organisasi dinamik yang mempunyai ahli yang gigih dan berdedikasi yang dapat mencipta lembaran sejarah baru yang mengagumkan. Tambahan lagi struktur pentadbiran pertubuhan SGM agak stabil bersama sokongan kekitaan dan semangat kekitaan di kalangan ahlinya telah mengeratkan hubungan dan semangat kerja berpasukan di kalangan ahlinya.

Kejayaan SGM ini juga memperlihatkan kewibawaan dan karismatik En Koe sebagai pemimpin yang disegani. Beliau telah berjaya memimpin dan menggerakkan tenaga ahlinya ke arah mencipta nilai-nilai murni seperti “keindahan, kebaikan, dan keuntungan” demi kebahagiaan manusia. Keyakinan diri dan pegangan ahli SGM terhadap ajaran dan falsafah Nichiren Daishonin⁵ (日蓮大聖人) telah mendorong mereka agar mengamalkan sikap “mencintai keharmonian” terhadap orang lain, di samping membantu membentuk sebuah masyarakat yang harmoni serta penyayang di negara ini. Hasrat SGM ternyata seiring dengan kehendak kerajaan kita. Ini terbukti dengan adanya jemputan bagi SGM untuk menyertai persembahan gimnastik dan kebudayaan dalam upacara-upacara rasmi anjuran pihak kerajaan dan pertubuhan-

pertubuhan sukarelawan sejak tahun 1986 sehingga kini (rujuk Jadual 2). Jemputan penyertaan SGM dalam aktiviti tersebut menunjukkan pengiktirafan umum terhadap usaha SGM selama ini.

Jadual 2

Penglibatan SGM dalam aktiviti anjuran kerajaan dan swasta bagi tempoh 1986-2000

Tahun	Bilangan Aktiviti
1986	7
1987	13
1988	19
1989	25
1990	17
1991	9
1992	18
1993	27
1994	46
1995	24
1996	27
1997	18
1998	31
1999	37
2000	58

Sumber : Diubahsuai daripada jadual-jadual aktiviti-aktiviti SGM bagi tempoh 1986-2000.

1.2 Teori “Penciptaan Nilai” Soka Gakkai

Perkataan Soka dalam nama Soka Gakkai bererti “Penciptaan nilai”. Nama Soka Gakkai bermakna Persatuan Mencipta Nilai. Dengan kata lain, penciptaan nilai menjadi matlamat utama Soka Gakkai dalam kesemua kegiatan dan komunikasi manusia. Dalam hal ini, falsafah Buddhisme dijadikan asas penciptaan nilai-nilai manusia.

Keupayaan mencipta nilai merupakan salah satu ciri ketara yang membezakan manusia daripada haiwan. Perincian aktiviti-aktiviti manusia memperlihatkan tiga kategori nilai: (1) keuntungan, yang sebahagian besarnya bersifat ekonomi, dan menyediakan asas bagi menyokong kehidupan, (2) kebaikan, dan (3) keindahan.

Menurut Makiguchi,⁶ (Gambar 1.1) “mencipta nilai yang tertinggi dan memperoleh kebahagiaan yang terbesar merupakan matlamat kehidupan manusia”. Penciptaan nilai ini telah memberikan makna kehidupan sebenar kepada diri manusia sendiri. Mengikut Makiguchi, falsafah hidup bersama pendidikan yang berpusatkan “penciptaan nilai” mencapai kebahagiaan yang tertinggi sebagai individu atau anggota dalam masyarakat.

Teori “Penciptaan Nilai” Makiguchi adalah berasaskan nilai “keindahan, keuntungan, dan kebaikan”. Nilai-nilai ini berbeza daripada “kebenaran, kebaikan, keindahan, dan kemuliaan” yang dicadangkan dalam pemikiran Kant. Bagi Makiguchi, “Kebenaran” dan “nilai” pada umumnya adalah berbeza. Beliau menegaskan faktor “keuntungan” yang mendorong manusia mencipta banyak perkara dan benda yang baru, demi memenuhi keperluan mereka. Desakan mengejari

pelbagai keperluan inilah mendorong manusia agar mencipta sejarah baru. Oleh itu, “keuntungan” dikatakan faktor positif yang menggerakkan kemajuan manusia.

Ahli-ahli falsafah yang lain nampaknya telah mengabaikan perhubungan rapat faktor keuntungan dalam kehidupan manusia. Menyedari kesalahan ini, Makiguchi mencadangkan agar “keindahan, keuntungan, dan kebaikan” digantikan dengan “kebenaran, kebaikan dan keindahan serta kemuliaan”,⁷ seperti mana yang dicadangkan oleh Kant.

Profesor Nakamura Hajime⁸ (中村元), seorang pensyarah Universiti Tokyo, berpendapat bahawa kebanyakan ahli falsafah hanya mengikuti sesuatu teori falsafah yang dikemukakan oleh ahli falsafah barat secara buta tuli; Makiguchi sebaliknya, mengasingkan “kebenaran” daripada “kemuliaan”. Unsur “keuntungan” pula dimasukkan ke dalam teori falsafah beliau. Walaupun “keuntungan” mengaitkan individu dengan “keuntungan dan kebaikan secara material”, namun aspek ini pada masa yang sama menekankan tindakan “berfikir untuk pihak lain” dan “menyumbang kepada kebajikan orang lain” menurut ajaran agama Buddha.

Ikeda pernah mendefinisikan “*wei ta*” (为他) (untuk kebajikan pihak lain) sebagai “*Artha*” dalam bahasa Sanskrit.⁹ Ada yang mentakrifkan istilah Sanskrit ini sebagai “keuntungan”, sementara yang lain mengertikannya sebagai “tanggungjawab”. Walau bagaimanapun, mungkin ada yang berpendapat bahawa makna “keuntungan” dan “tanggungjawab” itu berbeza, namun pada hakikatnya, “*Artha*” berkait rapat dengan kedua-dua konsep tersebut. Ini kerana keuntungan dan kebaikan untuk orang lain dan juga diri sendiri adalah tanggungjawab

bagi “*Artha*”. Menurut Makiguchi, “keuntungan” dalam konteks ini bukan merujuk kepada keuntungan perniagaan atau keuntungan material. Konsep ini sebenarnya dikaitkan dengan tujuan murni iaitu “untuk kebajikan orang lain”. Pemikiran ini selaras dengan prinsip utama agama Buddha.

Jika ditinjau dari segi darjat ketinggian, maka nilai “keuntungan” lebih tinggi daripada “keindahan”; tetapi nilai “kebaikan” adalah nilai yang paling tinggi darjatnya. Ini kerana nilai “keuntungan” merupakan nilai individu; manakala nilai “kebaikan” merupakan nilai masyarakat.

Apakah matlamat yang sepatutnya dikehjari oleh manusia? Presiden SGI Ikeda pernah mengatakan bahawa individu sepatutnya menerokai nilai keamanan, budaya dan pendidikan. Menurut beliau, nilai “keindahan” boleh disamakan dengan “budaya” yang dapat mengubahsuai hidup dalaman manusia supaya sifat mulia dan potensi manusia yang kaya dapat dicungkil untuk membawa kepada kebahagiaan dan keharmonian hidup. Beliau juga berkata, syarat terbaik bagi menghapuskan “keburukan” dan mencapai “kebaikan” adalah melalui Hukum Mistik ¹⁰ yang menyelubungi setiap individu dan seluruh masyarakat. Oleh itu, SGI mencadangkan supaya nilai “keuntungan, kebaikan, dan keindahan” dijadikan teras segala aktiviti keamanan, budaya, dan pendidikan demi mencapai keharmonian masyarakat.

1.2.1 Doktrin Asas Dan Semangat Soka Gakkai

Menunaikan Hukum Mistik melalui “kepercayaan”, “amalan” dan “pengajaran” sentiasa dipatuhi semua ahli Soka Gakkai. “Kepercayaan” merujuk kepada kepercayaan terhadap *Gohonzon*¹¹ (御本尊). Menurut ajaran Nichiren

Daishonin, Buddha era *Mappo*¹² (末法时代) sebenarnya muncul di bumi untuk menyelamatkan umat manusia. Dan teras ajarannya terkandung di dalam simbol *Dai-Gohonzon*¹³ (大御本尊) yang dimuliakan oleh kuil utama Nichiren Shoshu di Taisekiji. “Amalan” terdiri daripada perlaksanaan upacara pada pagi dan petang dan tindakan altruistik yang memanfaatkan orang lain, selain kepentingan sendiri.

Manakala “pengajian” bermakna mengkaji *Gosho*¹⁴ (御书), iaitu tulisan-tulisan Nichiren Daishonin diperlukan untuk memperkuat dan mendalami keimanan ahli Soka Gakkai. Kunci Soka Gakkai dikatakan terletak pada perlaksanaan kebahagian rohaniah dan kebendaan individu menerusi tiga prinsip tersebut tadi, iaitu kepercayaan, amalan, dan pengajian. Penepatan prinsip-prinsip ini juga akan menyumbang kepada perkembangan masyarakat pada keseluruhannya. Inilah pegangan semua ahli Soka Gakkai.

1.2.2 Falsafah Dan Ajaran Soka Gakkai

a) Teori Kehidupan Soka Gakkai

Pada abab ketiga belas, Nichiren Daishonin muncul sebagai pengasas agama Buddha aliran Nichiren di Jepun. Pengetahuan Nichiren Daishonin terdiri daripada pengetahuan sumber kehidupan yang sebenar yang terdapat dalam Hukum Mistik, *Nam-Myoho-Renge-Kyo* (南无妙法莲华经). Berdasarkan pemikiran dalam *Sutra Teratai* (*Lotus Sutra*)¹⁵ dan Buddhisme aliran Tiantai¹⁶ yang diasaskan oleh Tiantai zhizhe (天台智者) dan pengembangnya Zhanran (湛然),¹⁷ Nichiren Daishonin yang menubuhkan aliran Buddhisme Nichiren dalam zaman mappo ini telah

menyebarluaskan pemikiran dirinya kepada rakyat Jepun dalam kedua-dua bentuk ajaran lisan dan tulisan yang secara kolektif dikenali sebagai *Goshō*.

Soka Gakkai yang mewarisi falsafah kehidupan Buddhisme Nichiren itu, mentafsirkan *Goshō* sebagai sumber falsafah kehidupan yang menerajui pusat pengajian Soka Gakkai.

b) Sifat Buddha

Kebanyakan para sarjana bersetuju bahawa terdapat dua jenis agama yang utama, iaitu “agama autoriti” dan “agama kemanusiaan”. Dari segi amalan pula, kebanyakan gerakan agama masa lampau tertumpu kepada pemujaan beberapa dewa-dewi yang mutlak atau berpegang prinsip autoriti yang menganggap manusia rendah kedudukannya. Perang agama dan penganiayaan yang kerap mencemari sejarah manusia berlaku akibat prasangka yang disemai oleh agama autoriti ini.

Soka Gakkai sebagai “agama kemanusiaan” meletakkan penyelesaian segala hal dengan berpusatkan manusia. Sifat Buddha yang sedia ada pada setiap individu, menjadi sumber autoriti bagi organisasi agama ini. Dengan kata lain, sifat Buddha itulah menjadi prinsip autoriti yang dianggap paling suci dan paling kuat.

Menurut pengajaran Nichiren Daishonin,¹⁸ minda yang dikaburi ilusi akibat kegelapan kehidupan semula jadi diibarat sebagai sebuah cermin yang pudar. Namun, apabila cermin demikian digilap, ia akan menjadi jelas dan membawa kebenaran. Proses menggilap minda “yang dikaburi ilusi”, sehingga jelas menandakan pencapaian kehidupan abadi, yakni sifat Buddha di dalam individu. Berdasarkan

istilah “Buddhaiah”, menggilap diri sendiri menerusi kepercayaan akan membantu seseorang mencapai sifat Buddha, atau “revolusi manusia” dalam pengertian moden. “Revolusi manusia” yang selalu ditekankan oleh Daisaku Ikeda, dikaitkan dengan perjuangan beliau untuk mengetengah dan merealisasikan sifat Buddha dalam setiap individu. Sesungguhnya, “revolusi manusia” inilah menjadi teras perjuangan Soka Gakkai.

c) Jalan Pertengahan Sebagai Asas Keharmonian

Toynbee, dalam buku yang berjudul *Choose Life*¹⁹, menjelaskan hasil keasyikan manusia dengan teknologi dalam abad ke-20, telah membawa kepada kemasuhan alam sekitar dan ancaman kehancuran semua umat manusia. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa daya penguasaan diri itu satu-satunya cara untuk menyelesaikan krisis manusia semasa. Tetapi penguasaan diri tidak dapat dicapai sama ada melalui kepuasan nafsu diri atau zahid yang keterlaluan. Manusia abad ke-21 mesti mengikuti “jalan tengah”, iaitu “jalan sederhana”. Didapati bahawa taksiran penyelesaian dilema kita ini sungguh serasi kerana kesederhanaan atau jalan tengah dalam ajaran Buddhisme mazhab Mahayana itu telah menjadi arus pemikiran timur yang utama. Kesederhanaan dalam ertikata ini bermakna cara hidup yang timbul daripada sintesis materialisme dan kerohanian.


Selepas Perang Dunia Kedua, eksistensialisme telah menguasai kedua-dua bentuk “falsafah kerohanian” dan “falsafah materialisme” untuk seketika. Tetapi, kini muncul satu lagi bentuk falsafah yang dinamakan “falsafah struktualisme”. Proses perubahan yang berterusan dan tidak berkesudahan, yang diwakili oleh peralihan dalam falsafah barat ini, menunjukkan suatu percubaan untuk menghuraikan

sebahagian daripada apa yang dikatakan dalam istilah Buddhaiah sebagai “makna yang tidak berhad”. Tamadun moden boleh dikatakan telah menemui kebuntuan, yang nampaknya tidak ada jalan keluar. Kelemahan ini mungkin dapat dikikis menerusi falsafah “jalan pertengahan” Buddhisme²⁰ yang tersebut di atas.

Doktrin Buddha menganjurkan satu prinsip yang dikenali sebagai “harmoni antara tiga kebenaran yang sempurna” (*en-yu santai*)²¹ (三諦論) (rujuk Gambar rajah 3) yang menjelaskan sifat asas kesemua fenomena. *Kutai*,²² (空諦) iaitu kebenaran pertama, menyatakan bahawa sifat asas semua fenomena dimanifestasikan menerusi proses hidup seperti percakapan manusia. Kebenaran kedua, iaitu *Ketai*²³ (假諦) adalah bentuk manusia yang sebenar, yang merupakan “penyatuan sementara lima komponen”.²⁴ Sementara *Chutai*,²⁵ (中諦) iaitu kebenaran ketiga itu merupakan “kesatuan atau sumber asas”, ia tergolong dan melampaui dualiti atau dua kebenaran yang lain. Dengan kata lain, *Chutai* merujuk kepada prinsip kehidupan yang tidak berubah. *En-yu santai* yang tersebut di atas, pula berkait dengan kebijaksanaan menyatukan keharmonian ketiga-tiga kebenaran tersebut, dalam mencapai jalan pertengahan Buddhisme.

Gambar Rajah 3

Tiga Kebenaran



En-yu santai

- i). Kebenaran pertama : *Kutai* – sifat tidak berjasad semua fenomena dijelmakan di dalam proses kehidupan seperti pertuturan manusia dan berkembangnya bunga.
- ii). Kebenaran kedua : *Ketai* – bentuk semua kewujudan yang sebenar dan yang kelihatan.
- iii). Kebenaran ketiga : *Chutai* – kesatuan asasi atau sumber, menggolong dan melampaui dua yang lagi (iaitu *Kutai* dan *Ketai*).

Dalam pengertian moden, *Kutai* merupakan suatu manifestasi kebijaksanaan yang berpadanan dengan kemajuan atau tenaga dinamik. *Ketai* itu dikaitkan dengan bentuk-bentuk makhluk semasa. Ia bersifat sementara dan tidak tetap tetapi mengekalkan unsur keharmonian. Ini bermakna, walaupun terdapat proses perubahan sepanjang masa, manusia mestilah mengekalkan keharmonian di kalangan mereka dengan alam semula jadi. *Chutai*, yakni “titik tumpuan tempat bermulanya semua entiti” pula dikaitkan dengan prinsip kehidupan yang tidak boleh diubah.

Pembentukan tamadun dan perkembangan masyarakat masa kini yang sihat mustahil wujud jika kekurangan salah satu daripada tiga faktor berikut, iaitu kemajuan (tenaga), harmoni, dan sumber asas. Tanpa asas harmoni yang teguh akan membawa kepada kompromi yang rapuh. Pada masa yang sama, harmoni tanpa kemajuan akan mengakibatkan kelembapan. Sebaliknya, kemajuan tanpa sudut pandangan yang harmoni akan menimbulkan penyelewengan dan ketidakseimbangan dalam masyarakat. Ini terbukti dalam tamadun moden manusia sekarang yang bercorak materialisme.

1.3 Visi Ahli Soka Gakkai Malaysia (SGM)

Sebagai penganut agama Buddha, ahli-ahli SGM mengamalkan pengajaran *bodhisattva*.²⁶ Ahli-ahli SGM berusaha menonjolkan potensi kreatif dan positif masing-masing untuk memupuk kualiti dan sifat *bodhisattva* yang bercirikan kebijaksanaan, keberanian, dan curahan belas kasihan secara menyeluruh. Visi ahli SGM dikaitkan dengan pembentukan “warganegara global” yang memiliki sifat-sifat seperti berikut:²⁷

- a) Kebijaksanaan dalam memahami semua penghidupan dan kehidupan yang berkaitan.
- b) Keberanian, iaitu tidak takut atau menafikan budaya dan bangsa yang berlainan, tetapi di sebaliknya berusaha menghormati dan memahami budaya dan bangsa lain untuk mengembangkan pergaulan dengan mereka.
- c) Belas kasihan dan simpati terhadap seseorang yang menderita, sama ada di tempat yang jauh atau dekat.

Secara konkret, amalan sifat *bodhisattva* dalam pengajaran Buddha mencakupi :²⁸

- a) *Priyavacana* (bahasa Sanskrit), iaitu memberi galakan atau dorongan kepada orang lain dengan prihatin melalui dialog.
- b) *Dana* (bahasa Sanskrit), iaitu menderma kepada pihak yang memerlukannya.
- c) *Artho-carya* (bahasa Sanskrit), yang bermaksud bertindak demi kebaikan pihak lain.
- d) *Samanartha* (bahasa Sanskrit) yang bermaksud melibatkan diri dan bekerjasama dalam masyarakat.

1.4 Komunikasi : Elemen Yang Menyatukan Manusia

Berdasarkan pengajaran Buddhaiah yang berasaskan kemanusiaan dan dedikasi ahli sendiri, SGM diharapkan mampu menyatukan hati dan fikiran semua manusia, sebagai satu gerakan revolusioner kemanusiaan.

Doktrin Mahayana yang paling penting dalam *Sutra Teratai (Lotus Sutra)* menegaskan bahawa “sifat-sifat Buddha” wujud pada setiap insan, dan sifat-sifat ini juga berupaya dimanifestasikan.²⁹ Inilah tafsiran *Sutra Teratai* mengenai manusia; yang menaruh keyakinan dan kepercayaan terhadap manusia. Ini secocok dengan rukun kepercayaan SGM yang tetap, iaitu keyakinan dan hormat kepada seluruh umat manusia. Ikeda menegaskan bahawa tiada masalah sama ada yang berpunca daripada jurang generasi, prasangka perkauman atau nasional, atau perselisihan rumah tangga yang tidak boleh diselesaikan, selagi pihak-pihak yang terlibat mengekalkan saling mempercayai dalam manusia. Perbezaan pandangan, pertembungan emosi, pertentangan minat hampir tidak boleh dielakkan dalam kehidupan harian; hanya komunikasi yang boleh membawa kepada penyesuaian pendamaian dan keharmonian, selagi ia berlandaskan saling mempercayai dan keyakinan.

SGM merupakan pertubuhan yang mempunyai sifat kesatuan dan kerjasama yang tinggi. Apa yang menyebabkan pertubuhan itu begitu produktif dan berdaya maju ? Persoalan ini semestinya menyentuh cara pembentukan dan perjalanan pertubuhan itu. Berdasarkan pengajaran dan falsafah SGM, dengan semangat dedikasi ahli pertubuhannya, elemen asas yang menyatukan anggota pertubuhan dan membolehkan ahlinya berjaya mencapai matlamatnya, adalah melalui apa yang dikatakan “komunikasi bersepada”. SGM menyalurkan konsep “komunikasi

bersepadu” ke dalam segala aktivitinya. Matlamat pencapaian keharmonian hidup dapat dilihat menerusi aktiviti-aktiviti komunikasinya dalam tiga konteks seperti yang berikut :

- a) Nilai Pendidikan,
- b) Pemeliharaan Keamanan, dan
- c) Kemajuan Kebudayaan.

Keterangan lanjut berhubung perkara tersebut akan dilakukan dalam bab 2.

Nota Kaki

1. Mahatma Gandhi, *All Men Are Brothers : Autobiographical Reflection*, (New York : The Continuum Publishing Company, 1990), hlm 63.
2. Mahayana merupakan salah satu daripada dua tradisi utama Buddhisme; dari segi hurufiah, Mahayana bermakna “Kenderaan yang lebih besar”. Ajaran Mahayana berkait dengan penyelamatan individu dan juga menekankan kepentingan kepimpinan semua umat manusia ke arah pengertian kehidupan.
3. Arnold Toynbee & Daisaku Ikeda, *Choose Life : A Dialogue*, (London : Oxford University Press, 1989), hlm 387.
4. Objektif tersebut dicatat semasa melawat pameran pengenalan SGI da SGM pada 11hb Februari, 2001 di Pusat Kebudayaan SGM, Cheras.
5. Nichiren Daishonin (1222-82) merupakan pengasas semua mazhab Nichiren. Dari pendirian Soka Gakkai, beliau merupakan pengasas Buddhisme sebenar yang berjanji mengembangkan Hukum Mistik dalam zaman Mappo. Mengikut tradisi, tempoh berikutnya dua milenium selepas kematian Shakyamuni iaitu masa kita sekarang, manusia hanya dapat pengertian hidup sebenar dengan ajaran Nichiren Daishonin. Untuk mencapai makam Buddha, Nichiren Daishonin menggalakkan penganutnya memuja Gohonzon, meratib Gongyo dan Daimoku, dan mengamalkan ajarannya yang sebenar.
6. SGI yang ditubuh pada 26.1 1975 berasal daripada *SOKA KYOIKU* (Persatuan Pendidikan Yang Mencipta Nilai) yang diasaskan oleh Tsunesaburo Makiguchi pada tahun 1930 di Jepun. Sebagai pengajar dan ahli geografi, Makiguchi sejak awal-awal lagi menyuarakan wawasannya tentang hubungan bersifat bersama dan saling menyokong antara manusia, masyarakat dan alam persekitaran dalam karya utamanya *Jinsei Chirigaku (The Geography of Human Life)*.
7. *Cosmic*, Keluaran April, 1994.
8. Profesor Nakamura Hajime adalah pensyarah universiti di Tokyo. Beliau terkenal sebagai pengkaji Buddhisme di Jepun dan dunia. Dalam bukunya yang berjudul “Perbandingan Landasan Pemikiran”, beliau telah membincang dan memberikan penilaian tinggi terhadap Makiguchi.
9. Daisaku Ikeda, “*Sistem Penciptaan Nilai Keindahan, Keuntungan dan Kebaikan*”, *Cosmic*, keluaran Disember 1995, hlm 53.
10. Nichiren Daishonin mengajar bahawa Hukum Mistik merangkumi semua hukum dan ajaran dalam dirinya, dan bahawa manfaat meratib Nam-myoho-renge-kyo termasuk manfaat melaksanakan semua amalan yang baik. Hukum kehidupan dan Alam Semesta yang muktamad ini merupakan entiti kehidupan sebenar yang meresapi semua fenomena dalam alam semesta.

1. *Gohonzon* merupakan objek pemujaan dan penyembahan yang utama bagi penganut Nichiren Daishonin.
2. Era *Mappo* merupakan Zaman Akhir Hukum. Mengikut tradisi, tempoh berikutnya dua milenium selepas kematian Shakyamuni.
3. *Dai Gohonzon* adalah objek pemujaan yang didedikasikan oleh Nichiren Daishonin pada 12hb Oktober, 1279 sebagai tujuan muktamad kemunculannya dalam dunia ini. Juga digelar *Dai Gohonzon rumah suci Buddhisme Sebenar*.
4. Pengumpulan falsafah hidup dan gaya hidup sebenar Nichiren Daishonin dalam bentuk surat digelar sebagai *Goshō*.
5. Sutra Teratai dalam bahasa Sanskrit adalah Saddharma-pundarika-sutra, satu daripada sutra Mahayana. Sutra Teratai adalah kitab Buddhaniah yang disanjung dengan meluas sekai dalam Buddhisme Jepun dan China. Sutra Teratai menjadi asas Nichiren Daishonin untuk membentuk kehidupan dan ajarannya.
6. Tiantai Zhizhe (538-597) : Nama asalnya ialah Zhiyi. Beliau merupakan pengasas mazhab Tiantai.
7. Zhanran (711-782) merupakan ketua mazhab Tiantai yang keenam di China. Apabila mazhab lain mula berkembang sementara mazhab Tiantai pula mengalami kemerosotan, Zhanran menegaskan semula keunggulan Sutra Teratai dan mengulas tiga karya Tiantai yang utama. Akibatnya, usaha Zhanran berjaya membangkitkan semula Buddhisme Tiantai. Akhirnya beliau disanjung sebagai pemulih mazhab tersebut.
8. *Cosmic*, Keluaran Julai, 1992.
9. Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, *Choose Life : A Dialogue*, (London : Oxford University Press, 1989) hlm 119.
10. Taksiran istilah “Jalan Pertengahan Buddhisme” amat berbeza dari satu mazhab ke mazhab yang lain. Dari segi doktrin Tiantai, kebenaran Jalan Pertengahan (*Chutai*) yang bermakna sifat sebenar semua benda itu bukan (*Kutai*) atau wujud sementara (*Ketai*) tetapi memperlihatkan kedua-dua ciri tersebut.
11. Daisaku Ikeda, *Buddhisme : The Living Philosophy*, (Tokyo : The East Publication , 1974) hlm 34 .
12. *Kutai* adalah kebenaran bukan substantif yang bermakna fenomena tidak akan wujud sendiri secara mutlak atau tetap; *Ku* sebagai suatu keadaan berpotensi yang tidak boleh didefinisikan sama ada wujud atau tidak wujud.

23. *Ketai* merujuk kepada kebenaran yang wujud sementara. "Sementara" bermaksud semua benda adalah *Ku* yang bersifat bukan substantif. Namun, kesemua benda yang mempunyai hakikat sementara ini sentiasanya berubah-ubah.
24. Lima komponen kehidupan ini juga digelar lima *Skandhas* : iaitu bentuk, tanggapan, konsepsi, keinginan, dan kesedaran. Lima komponen ini bersatu buat sementara untuk membentuk makhluk individu yang bernyawa.
25. *Chutai* merupakan sifat sebenar semua fenomena melampaui batas perkataan dan konsepsi.
26. Boddhisattva merupakan orang yang bercita-cita untuk mencapai makam Buddha. Penganut Mahayana Buddhisme menggunakan untuk merujuk kepada diri mereka sendiri yang cuba mencari pengertian untuk dirinya dan juga untuk orang lain. Kerahimanlah merupakan sifat boddhisattva yang teragung.
27. Dicatat berdasarkan ceramah Daisaku Ikeda yang bertajuk " Pandangan tentang Pendidikan untuk Kewarganegaraan Sedunia ", yang disampaikan di Universiti Columbia, New York pada 13 Jun 1996. *Cosmic*, keluaran Februari, 1997, hlm 32.
28. Ibid, hlm 37.
29. Daisaku Ikeda, *Buddhisme : The Living Philosophy*, (Tokyo : The East Publication , 1974) hlm 92

Gambar 1.1
Presiden Soka Gakkai, SGI & Ketua Pengarah SGM



En Tsunesaburo Makiguchi
(Presiden Pertama Soka Gakkai)



En Josei Toda
(Presiden Kedua Soka Gakkai)



En Daisaku Ikeda
(Presiden Pertama SGI)



En Koe Teng Hong
(Ketua Pengarah SGM)

Sumber : *Cosmic*, keluaran November, 1997 dan Januari, 2000.